



## Aspek Pengajaran di sebalik Watak Haiwan di dalam Al-Quran: Iktibar bagi Pensyarah UiTM dalam Peningkatan Kerjaya

Minah Dibok  
Abd Khalil Mohd. Khalid  
Ainun Jariah Manaf  
Ruaain Hj Mustari

### ABSTRAK

*Al-Qur'an merupakan kitab suci terakhir yang telah diturunkan dalam bentuk wahyu daripada Allah kepada Rasulullah s.a.w. Kitab yang agung ini mengandungi untaian ilmu pengetahuan yang amat mendalam serta mendasari pelbagai lapangan ilmu. Ilmu asas ialah persoalan aqidah, syariah, ibadah dan akhlak. Untuk mengajak manusia beriman kepada Allah dan RasulNya, pelbagai metodologi telah digunakan. Antaranya melalui penceritaan sejarah-sejarah umat terdahulu dan penonjolan watak-watak haiwan, yang bertujuan untuk memperlihatkan atau membongkar kelemahan manusia dan menunjukkan kebesaran Allah s.w.t.. Tulisan ini cuba mengupas watak-watak haiwan yang dinukilkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an untuk menjadi pengajaran dan bahan renungan kepada manusia terutama pensyarah UiTM dalam usaha untuk menjalankan kerjaya akademik. Antara watak haiwan yang dibincangkan dalam kertas kerja ini ialah seperti kuda, lalat, lebah, anjing dan unta. Seterusnya dibincangkan juga mesej Allah kepada manusia di sebalik penonjolan watak-watak haiwan tersebut. Sesungguhnya penonjolan watak-watak haiwan di dalam al-Qur'an mengandungi pengajaran dan pembelajaran agar manusia beriman kepada Allah s.w.t. dan RasulNya serta menjadikan mereka makhluk yang bersyukur dan mampu mencapai kecemerlangan dunia dan akhirat.*

**Kata kunci:** Aspek pengajaran, watak haiwan, Al-Quran, peningkatan kerjaya

### Pendahuluan

#### Pengertian Al-Qur'an

Al-Qur'an pada bahasa bermaksud 'bacaan' kerana ia adalah wahyu yang perlu dibaca untuk diambil manfaatnya. Ia dikenali juga dengan berbagai nama seperti Al-Furqan yang bermaksud 'pembeza' iaitu yang membezakan antara hak dan batil; Al-Bayan bermaksud 'penerang' iaitu memberi penjelasan sesuatu perkara; dan Al-Zikr bermaksud yang diulang sebut di mana Al-Qur'an adalah zikrullah yang diulang-ulang bacaannya sehingga hari kiamat.

Al-Qur'an dari segi istilah ialah 'Kalam Allah yang diturunkan sebagai mukjizat ke dalam hati Nabi Muhammad saw melalui Jibril as. dengan lafaz-lafaz berbahasa Arab yang diriwayatkan secara mutawatir dan membacanya adalah ibadat (Ulwan 1989: 82-83). Setelah turunnya Al-Qur'an, semua kitab-kitab samawi yang terdahulu telah dinasakhkan.

#### Kandungan Asas Al-Qur'an

Kitab suci ini mengandungi pelbagai perkara penting sebagai pengetahuan dan keperluan asas bagi kehidupan manusia. Segala mutiara yang terkandung di dalamnya tidak akan habis untuk diterokai. Ia adalah kitab yang sempurna untuk dunia dan akhirat, tidak perlu kepada sebarang tambahan mahupun pengurangan. Ia selamat dari sebarang percubaan untuk mengubah atau menokok tambah dan kekal keasliannya sehingga hari kiamat (al-Jazairi 1969:31). Firman Allah yang bermaksud:

*"Tidak Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab ini (Al-Qur'an)."*

(Al-An'am: 38)

FirmanNya lagi yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Qur'an dan Kamilah yang menjaga dan memeliharanya."*

(Al-Hijr: 9)

Antara kandungan asas Al-Qur'an ialah mengenai ilmu tentang alam yang diciptakan oleh Allah, mengenai iktikad, akhlak, syariah Islam dan perundangan, siasah dan peperangan serta ilmu mengenai sejarah (al-Jazairi 1969:32; Ulwan 1989:84).

**Aqidah** ialah mengenai keyakinan dan keimanan kepada Allah dan rukun-rukun iman yang lain seperti kepercayaan kepada malaikat, kitab-kitab, rasul, hari akhirat serta qada' dan qadar. Ia adalah sebahagian dari apa yang terkandung dalam syariat Islam dan merupakan faktor yang terpenting dalam ajaran Islam.

**Syariah** merupakan peraturan hidup yang perlu difahami dan dilaksanakan oleh umat Islam. Ia mengandungi persoalan ibadat, muamalat, jenayah, munakahat dan perkara yang berkaitan kehidupan muslim samada secara peribadi, masyarakat, negara dan antarabangsa.

Manakala **akhlak** ialah etika atau tatacara tingkah laku sama ada terhadap Allah, sesama manusia dan semua makhluk Allah yang lain dalam apa jua keadaan. Akhlak Rasulullah s.a.w. adalah al-Qur'an al-Karim. Oleh itu lihat dan contohilah baginda untuk mendapatkan akhlak mulia.

Dari segi **sejarah**, Al-Qur'an memaparkan kisah orang yang soleh seperti para rasul dan nabi juga sejarah golongan yang mengingkari Allah serta balasan yang ditimpakan ke atas mereka. Kitab suci ini menceritakan permulaan kejadian alam dan apa yang akan berlaku di akhir zaman nanti. Al-Qur'an membantu makhluk istimewa manusia menjawab tiga persoalan penting iaitu permulaan kejadian, untuk apa dijadikan dan ke manakah perhentian terakhir kita nanti. Semuanya menjadi maklumat yang berguna dan perlu diambil iktibar oleh manusia.

### Aspek Pembelajaran melalui Penonjolan Watak-watak Haiwan di dalam Al-Qur'an Al-Karim

Pembelajaran adalah aspek penting dalam kehidupan insan. Ibu bapa dan para pendidik dari peringkat rendah sehinggalah ke universiti memainkan peranan utama bagi mendidik generasi pelapis. Malah mereka yang telah tua juga masih memerlukan pendidikan selagi hayat dikandung badan.

Pendidik terunggul bagi kita ialah Rasulullah saw yang menjadikan Al-Qur'an sebagai panduan utamanya. Ayat Al-Qur'an yang pertama turun telah menggesa manusia supaya belajar membaca dan menulis. Firman Allah yang bermaksud:

*"Bacalah dengan nama tuhanmu yang menciptakan. Dia mencipta manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu Maha Pemurah. Yang mengajar dengan pena. Dia mengajar manusia apa yang mereka tidak ketahui."*

(Al-Alaq: 1-5)

Seterusnya, firman Allah yang bermaksud:

*"Nun. Demi pena dan apa yang mereka tuliskan."*

(Al-Qalam: 1-2)

Pembelajaran yang ditunjukkan dalam Al-Qur'an yang dikaitkan dengan haiwan boleh diperolehi melalui kaedah :

- i. Pembelajaran melalui pemerhatian
- ii. Pembelajaran melalui contoh dan perbandingan.

### Pembelajaran melalui Pemerhatian dan Pengkajian

Firman Allah yang bermaksud:

*"Apakah kamu tidak melihat kepada unta, bagaimana ia diciptakan."*

(Al-Ghasyiah: 17)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah mengajar manusia supaya berfikir dan mengambil iktibar daripada penciptaan unta yang mempunyai banyak keajaiban dari segi kekuatan menanggung beban serta kesabaran menanggung kepayahan. Manfaat lain yang boleh diambil oleh manusia seperti ia boleh ditunggangi, membawa barangan, dagingnya yang boleh dimakan dan susunya yang boleh diminum (al-Sabuni 1981).

Firman Allah yang bermaksud:

*"Dan sesungguhnya pada binatang ternak itu kamu beroleh pengajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu dari apa yang terbit dari dalam perutnya yang lahir dari hampas makan dan darah, iaitu susu yang bersih, mudah diminum dan sedap rasanya bagi orang yang meminumnya."*

(An-Nahl: 66)

Melalui ayat tersebut, Allah meminta manusia mengkaji binatang ternak seperti unta, lembu, kambing dan biri-biri dengan rezeki susu yang amat berkhasiat (Al-Sabuni 1981). Turut diterangkan bagaimana susu itu diciptakan dalam sistem tubuh haiwan berkenaan. Kesemuanya ini akan membawa manusia meyakini kebijaksanaan dan kekuasaan Allah swt.

### **Pembelajaran melalui Contoh dan Perbandingan**

Firman Allah yang bermaksud:

*“Dan Tuhanmu mengilhamkan kepada lebah “Hendaklah engkau membuat sarang di gunung-ganang, pokok-pokok kayu dan bangunan yang dibuat oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan serta turutlah jalan-jalan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkan kepadamu. Akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya dan mengandung penawar bagi manusia (dari berbagai penyakit). Sesungguhnya semua itu menjadi tanda (kemurahan Allah) bagi orang yang berfikir”*

(Al-Nahl: 68-69)

Berdasarkan al-Sabuni (1981), binatang yang kecil ini boleh diteladani dari segi kesungguhannya membina rumah (sarang) yang unik serta usahanya terbang ke segenap pelusuk bagi mengumpulkan pelbagai manisan dari berbagai jenis bunga lalu memprosesnya menjadi madu yang sedap diminum dan mempunyai nilai perubatan yang tinggi.

Oleh itu sebagai, manusia yang merupakan makhluk ciptaan terbaik Allah s.w.t., sepatutnya kita boleh memainkan peranan yang lebih hebat lagi berbanding lebah.

Firman Allah yang bermaksud:

*“Bandangan orang yang menjadikan selain Allah sebagai pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang yang sehabis reput ialah sarang labah-labah, kalaulah mereka orang yang berpengetahuan.”*

(Al-Ankabut : 41)

Berdasarkan ayat ini, Allah membandingkan orang-orang kafir atau musyrik yang mengambil tuhan selain dari Allah untuk menjadi pelindung umpama labah-labah yang mengharapkan sarangnya sebagai pelindung. Sedangkan sarang labah-labah adalah terlalu rapuh. Sesungguhnya, wali atau pelindung kita dan segala makhluk ialah Allah yang maha perkasa.

### **Aspek Pengajaran di sebalik Penonjolan Watak-watak Haiwan di dalam Al-Qur'an Al-Karim**

Di dalam al-Qur'an berbagai-bagai watak haiwan ditonjolkan oleh Allah s.w.t. kepada manusia agar manusia berfikir dan berusaha mencari kebenaran dengan melihat keagungan ciptaan Allah s.w.t. di bumi ini. Manusia yang berakal akan menerima kewujudan Allah dan beriman kepadaNya. Aspek pengajaran yang terkandung di sebalik watak binatang di dalam al-Qur'an al-Karim dapat dirumuskan seperti berikut :

- i. Untuk menunjukkan kehebatan dan keagungan Allah s.w.t.
- ii. Mengajak manusia beriman kepada Allah dan menolak penyembahan tuhan-tuhan lain
- iii. Melarang manusia daripada hidup mengikut kehendak nafsu dan mempertuhankan dunia
- iv. Manusia akan menjadi lebih hina daripada haiwan apabila tidak menggunakan akal dan pancaindera yang dianugerahkan oleh Allah
- v. Meniupkan semangat jihad di jalan Allah s.w.t. di kalangan orang-orang mukmin
- vi. Membina personaliti muslim unggul yang membawa kebaikan kepada seluruh alam.

### **Untuk Menunjukkan Kehebatan dan Keagungan Allah s.w.t.**

Allah menjelaskan kewujudan pelbagai jenis haiwan adalah untuk faedah manusia dan menunjukkan kehebatan dan agungnya Allah sebagai pencipta alam ini. Justeru itu, manusia khususnya pensyarah hendaklah bersyukur dengan nikmat Allah s.w.t. dan seterusnya beriman kepadaNya dengan cara taat dan patuh kepada syariat Allah dan tidak mengikut hasutan syaitan yang menyesatkan manusia dari jalan Allah. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

*“ Di antara binatang ternak itu ada dijadikan untuk pengangkutan, ada yang dijadikan untuk disembelih, makanlah apa yang dikurniakan oleh Allah kepada kamu dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu.”*

(Al-An'am : 142 )

Unta ialah haiwan yang mampu hidup di kawasan yang mempunyai cuaca yang paling panas di dunia. Unta selalu digunakan di padang pasir. Padang pasir adalah kawasan yang luas dan suhunya boleh meningkat sehingga 50°C (Al-Maraghi 1985, Harun 2004:66, El-Zubeir 2006:104-112).

Unta boleh bertahan lama tanpa minum dan boleh minum dengan banyak untuk menggantikan air yang hilang dalam tempoh yang singkat. Ia boleh bertahan lama tanpa air kerana badannya hilang air dengan lambat dan boleh bertahan terhadap dehidrasi. Selain daripada itu, unta boleh menyimpan air yang minum di dalam tubuhnya untuk tempoh yang lama dan ia boleh menghilangkan dahaganya dengan air (Harun 2004:67).

Unta boleh memakan pelbagai tumbuhan iaitu dari tumbuhan yang segar menghijau sehinggalah kepada tumbuh-tumbuhan yang kering dan berduri tanpa mencederakan mulut dan bibirnya. Unta juga mempunyai dua jenis bulu di badannya iaitu bulu yang halus yang terletak di bahagian dalam manakala bulu yang kasar di bahagian luar.

Bulu-bulu yang melitupi kulit ini melindunginya daripada kepanasan yang melampau. Tapak kakinya yang besar dengan kulit yang tebal membolehkannya untuk berjalan di padang pasir tanpa tenggelam dan kulit yang tebal menghalang tapak kakinya daripada terbakar oleh panas padang pasir. Unta juga mempunyai dua lapis bulu mata yang bertindak sebagai perangkap dan melindungi mata unta daripada dimasuki pasir ketika ribut pasir.

Selain dagingnya yang boleh dimakan, susunya boleh dijadikan minuman, keju dan mentega serta mempunyai nilai-nilai perubatan. Di India, susu unta digunakan untuk mengubati edema, jaundis, masalah limpa, tuberkulosis, asma, anemia dan buasir (Rao et al. 1970). Pesakit yang mengidap hepatitis yang kronik bertambah pulih fungsi hatinya setelah dirawat dengan meminum susu unta.

Bentuk badan unta juga dicipta dengan sempurna dan bersesuaian dengan cara hidupnya. Lehernya yang panjang membolehkannya menunduk untuk meragut rumput dan kakinya yang panjang dan berotot membolehkannya lari daripada bahaya. Begitulah hebatnya penciptaan unta.

Watak gajah telah disebut dalam Surah al-Fil bermaksud :

*“Apakah kamu tidak memperhatikan bagaimana Tuhanmu telah bertindak terhadap tentera bergajah.”*

(Al-Fil : 1)

Gajah telah digunakan dalam serangan yang dilakukan oleh tentera Habsyah untuk meruntuhkan Kaabah agar orang tidak mengerjakan haji lagi ke Mekah, tetapi akan melakukannya di sebuah gereja besar yang baru dibina di Yaman. Keangkuhan dan kesombongan Abrahah telah menimbulkan kemarahan masyarakat Mekah dan mereka sentiasa memohon doa agar Allah menyelamatkan Kaabah tersebut. Sejak awal lagi gajah yang ditunggang Abrahah enggan bangun untuk berjalan menuju ke Mekah, sedangkan ia akan segera bergerak jika dihadapkan menghala ke Yaman. Namun, gajah-gajah tersebut dipaksa juga ke Mekah untuk meruntuhkan Kaabah.

Lalu, Allah menurunkan musibah dengan mendatangkan sekawan burung menjatuhkan batu-batu kerikil yang berbisa sehingga menyebabkan tubuh mereka luluh dalam keadaan mengerikan. Abrahah sendiri bersama beberapa orang tenteranya cuba melarikan diri ke Yaman, tetapi tetap berakhir dengan kematian yang menyeksakan.

Pengajaran dari kisah yang melibatkan watak gajah ini ialah setiap muslim berkewajipan menjaga dan memelihara kesucian agama Islam daripada segala bentuk pencerobohan walaupun hanya mampu melalui cara berdoa sahaja. Manusia tidak wajar bersikap angkuh dan sombong sekalipun mempunyai kekuatan yang hebat seperti tentera bergajah Abrahah kerana Allah mampu memusnahkannya hanya dengan kekuatan burung kecil dan batu-batu kerikil. Justeru itu, sebagai pensyarah dan pendidik yang telah menikmati kurniaan Allah yang begitu banyak dan tidak ternilai selama ini, amatlah tidak wajar untuk kita bersifat degil, sombong dan angkuh untuk mentaati perintah Allah, di samping berperanan mendidik pelajar-pelajar ke arah menjunjung syariat Allah dalam melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

### **Mengajak Manusia Beriman kepada Allah dan Menolak Penyembahan Tuhan-tuhan lain.**

Allah melarang keras umat manusia daripada mengambil pelindung selain daripada Allah s.w.t. serta leka dengan kemewahan dunia sehingga lupa untuk beribadah kepada Allah. Firman Allah bermaksud :

*“Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia dengan kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; hartabenda yang banyak berpikul-pikul, dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternakan serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).*

(Al-Imran : 14 )

Begitu juga Allah telah membuat perbandingan bahawa orang-orang yang menyembah selain daripada Allah digambarkan amat bodoh kerana berhala-berhala itu bukan sahaja tidak dapat memberi sebarang pertolongan bahkan juga tidak dapat membela dirinya sendiri. Lantas Allah membuat perumpamaan bahawa berhala-berhala dan apa saja yang dipuja selain daripada Allah tidak sekali-kali dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk menciptanya bahkan seandainya lalat itu mengambil sesuatu daripada mereka, mereka tidak dapat mengambilnya semula. Dalam kehidupan kita sebagai pensyarah, iktibar yang boleh diambil ialah kita tidak sepatutnya bermegah dengan ilmu yang dimiliki kerana semuanya itu adalah anugerah Allah kepada kita agar kita bersyukur, dengan cara mentaati seluruh syariatNya dalam kehidupan kita, di samping menjadikan Allah sebagai pelindung dan tempat tumpuan pengabdian serta Allahlah kuasa yang paling disanjung dan dipuja.

Firman Allah yang bermaksud:

*“ Sesungguhnya mereka yang kamu seru dan sembah yang lain daripada Allah itu, sekali-kali tidak akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya, jika lalat itu mengambil sesuatu daripada mereka, mereka tidak akan dapat mengambilnya balik (kedua-duanya lemah belaka) lemah yang meminta dan lemah yang kena pinta.”*

(Al-Hajj : 73)

**Lalat** (Harun 2004:54-56) mempunyai panjang antara 6 ke 7 mm dengan yang betina lebih besar dari yang jantan. Seekor lalat dewasa biasanya hidup antara 15 ke 25 hari. Lalat dewasa menyedut cecair yang mengandungi manisan atau bahan yang reput. Walaupun lalat tertarik kepada banyak jenis makanan, ia mempunyai bahagian mulut yang hanya boleh makan makanan yang dalam bentuk cecair. Ia akan terbang dari satu makanan ke makanan yang lain, merasainya dan mencairkan makanan dengan air liurnya sebelum ia boleh disedut. Lalat adalah penerbang yang kuat. Lalat dewasa yang keluar dari kepompongnya akan merangkak dengan cepat manakala sayapnya yang terlipat akan membuka dan badan mengering dan mengeras. Dalam keadaan yang biasa, proses ini mengambil masa lebih kurang satu jam sebelum ia boleh terbang. Seekor lalat boleh mengepakkan sayapnya sekitar 500 hingga 1000 kali setiap saat. Lalat tidak terbang dalam keadaan lurus. Ia dapat melakukan penerbangan secara 'zig-zag' di udara dan mendarat di atas sebarang permukaan, di atas siling atau dinding menegak dengan mudah (Harun 2004:54-56).

Pada zahirnya lalat kelihatan amat kecil dan tidaklah menonjol kehebatannya tetapi apabila dikaji ia amat menakutkan. Namun lalat yang kelihatan ringkas itu sekalipun manusia tidak mampu menciptanya dan jika lalat itu mengambil sesuatu daripada kita, kita tak mampu untuk mendapatkannya kembali, apatah lagi berhala yang tidak bernyawa.

### **Melarang Manusia daripada Hidup mengikut Kehendak Nafsu dan Mempertuhankan Dunia**

Apabila manusia hidup mengikut kehendak nafsu dan mempertuhankan dunia semata-mata akan menyebabkan manusia lalai daripada mengingati Allah. Di dalam al-Qur'an Allah s.w.t. telah menonjolkan watak anjing yang sentiasa terjelir lidahnya. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Dan kalau kami kehendaki nescaya kami tingkatan pangkatnya ( dengan sebab mengamalkan) ayat-ayat itu. Tetapi ia bermati-mati cenderung kepada dunia dan menurutkan hawa nafsu, maka bandingannya seperti anjing jika engkau menghalaunya ia menghulurkan lidahnya dalam keadaan termengah-mengah, jika ia membiarkannya juga ia menghulurkan juga lidahnya termengah-mengah. Demikianlah bandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, maka ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir.”*

(Al-A'raf : 176)

Anjing mempunyai deria hidu yang sangat tajam. Anjing berterusan mencium udara, tanah dan objek yang berdekatan untuk belajar apa-apa yang berada di sekelilingnya. Lidahnya yang agak nipis digunakan terutamanya untuk menolak makanan ke kerongkong untuk membersihkan bulunya dan untuk perpeluhan. Bila anjing kepanasan, ia akan menyejukkan badannya dengan menjelirkan lidahnya dan mencungap. Semasa ia mencungap, pemeluwapan peluhnya dari lidah akan menyejukkannya. Anjing juga berpeluh melalui tapak kakinya dan sedikit melalui kulitnya.

Kutu dan hama ialah serangga parasit yang paling biasa ada pada anjing. Cacing dan parasit usus biasa menjangkiti anak anjing. Anjing juga boleh dijangkiti dengan berbagai virus termasuklah virus yang menyebabkan penyakit 'distemper', hepatitis anjing (canine) dan 'rabies'. Penyakit yang biasa pada anjing iaitu penyakit leptospirosis yang disebabkan bacteria 'spirochete'. 'Distemper' sejenis penyakit yang mempunyai tanda-tanda seperti penyakit influenza manusia. 'Hepatitis canine' menjangkiti hati anjing dan organ-organ dalam abdomennya. Rabies pula penyakit yang boleh diturun kepada manusia jika digigit oleh anjing yang dijangkiti penyakit ini. Rabies boleh menyebabkan maut jika virus pergi ke otak. Keradangan otak akibat rabies menyebabkan kelakuan anjing menjadi tidak tentu. Penyakit 'leptospirosis' kadangkala disalah anggap sebagai penyakit hepatitis pada anjing.

Anjing yang tua pula mengalami banyak kesakitan dan mudah menjadi marah dan mengigit sesiapa saja. Anjing

juga cenderung untuk mengalami perubahan kelakuan pada cara makannya. Anjing akan menjadi anekrosia atau bulimia bila mengalami tekanan dan kemurungan. Ia akan makan tanpa berhenti termasuklah makan bahan bukan makanan seperti kertas dan kayu. Anjing juga cenderung untuk makan najis haiwan lain atau najisnya sendiri jika ia mengalami masalah penghadaman. Anak anjing juga cenderung untuk makan najis sendiri apabila takut dimarah tuannya bila membuang najis merata-rata (Encyclopedia of The Animal World 1972a).

Itulah di antara watak seekor anjing. Berdasarkan Surah al-A'raf ayat 176 ini merupakan sindiran tajam Allah kepada manusia yang hidup dengan mengikut hawa nafsu dan gila kepada dunia walaupun telah diberi peringatan dengan ayat al-Qur'an. Namun mereka tetap engkar kepada Allah s.w.t. lantaran itu Allah telah membuat perbandingan yang amat keji kepada manusia dengan seekor anjing yang sentiasa terjelir lidahnya dalam apa keadaan sekalipun. Begitulah dalam kehidupan kita sebagai seorang muslim dan mempunyai status sebagai golongan intelek, sepatutnya kita sentiasa bermuhasabah diri untuk mengadakan penambahbaikan bukan sahaja dalam bidang kerjaya bahkan juga tanggungjawab kita kepada Allah, diri, keluarga dan masyarakat. Kita seharusnya sentiasa membuat peningkatan kualiti dalam ibadah khusus dan menjadikan kerjaya mengajar sebagai ibadah dengan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Islam.

### **Manusia akan Menjadi lebih Hina daripada Haiwan apabila Tidak Menggunakan Akal dan Pancaindera yang Dianugerahkan oleh Allah**

Manusia dan khususnya golongan cerdik pandai seperti pensyarah sepatutnya bersyukur dengan nikmat yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka dengan menerima Allah sebagai Rab dan Ilah mereka. Mereka sepatutnya menggunakan akal dan kebijaksanaan yang ada pada mereka untuk mengkaji kebenaran Islam dan seterusnya menerimanya sebagai cara hidup yang dijamin kesejahteraan di dunia dan akhirat. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

*“**Sesungguhnya kami jadikan Neraka Jahannam penghuninya banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang tidak mahu memahami ayat-ayat Allah, mempunyai mata yang tidak mahu melihat bukti keesaan Allah dan mempunyai telinga yang tidak mahu mendengar (ajaran dan nasihat) mereka itu seperti binatang ternakan bahkan lebih sesat lagi, mereka itu adalah orang-orang yang lalai.**”*

(Al-A'raf : 179)

Watak lembu telah dinyatakan di dalam al-Quran dalam surah al-Baqarah, ayat 67 hingga 71. Ayat ini mengisahkan kaum Nabi Musa telah bertelingkah mengenai kes pembunuhan seorang lelaki dari kaum mereka. Mereka telah membawa mayat tersebut ke perkampungan yang lain dan mendakwa ia telah dibunuh oleh penduduk di situ. Kes ini dibawa ke pengadilan Nabi Musa. Allah telah memerintahkan Nabi Musa supaya mengarahkan mereka menyembelih seekor lembu, kemudian memukul badan si mati dengan anggota lembu tadi. Setelah itu, lelaki tersebut telah hidup semula dan menceritakan keadaan yang sebenarnya. Pelbagai persoalan yang tidak diketahui telah dikemukakan kepada Nabi Musa. Soalan-soalan tersebut sebenarnya adalah sikap berdolak-dalik kaum Yahudi yang bertujuan untuk mempermain-mainkan Nabi Musa. Oleh kerana terlalu lalai mempersendakan Nabi Musa, tanpa disedari mereka telah menyusahkan diri sendiri. Mereka hampir gagal untuk melaksanakannya. Mereka tidak menggunakan akal yang waras sebelum mengeluarkan pertanyaan dan tidak mengambil pengajaran dari kisah nabi-nabi terdahulu. Sikap degil dan keras kepala menyebabkan mereka diletakkan di tahap yang lebih hina daripada seekor lembu.

### **Meniupkan Semangat Jihad di Jalan Allah s.w.t. di kalangan Orang-orang Mukmin**

Allah menceritakan ketangkasan kuda dalam peperangan dalam surah al-Adiyat, ayat 1 hingga ayat 11. Tujuannya ialah untuk meniupkan semangat jihad di dalam jiwa orang-orang mukmin supaya sentiasa berjuang di jalan Allah, mempertahankan agama dan negara mereka daripada serangan musuh di samping mengajak mereka membelanjakan harta yang ada pada mereka untuk kebaikan dan agama

Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

*“**Demi kuda perang yang tangkas berlari dengan kedengaran kencang nafasnya serta mencetuskan api dari telapak kakinya dan meluru menyerbu musuh pada waktu subuh, sehingga menghamburkan debu pada waktu itu, lalu menggempur ketika itu di tengah-tengah himpunan musuh, sesungguhnya manusia sangat tidak bersyukur dengan nikmat Allah.**”*

(Al-Adiyat : 1- 6)

**Kuda** boleh melakukan 4 jenis pergerakan iaitu secara berjalan (*walk*), berlari (*trot*), berlari ligat (*canter*) dan berlari sangat cepat (*gallop*). Kuda menggunakan kaki belakangnya untuk memberi kuasa pada lompatan ke depan

dan ke atas. Ketika melompat, kaki-kakinya dilipat di bawah badan, selepas itu turun ke bawah, menyentuh tanah dengan satu kaki ke belakang dan diikuti serta-merta oleh kaki yang lain (Encyclopedia of The Animal World 1972b). Terdapat berbagai-bagai jenis kuda dan kuda yang paling terkenal ialah kuda baka Arab. Perkembangan dan penambahbaikan kuda baka Arab telah dikaitkan dengan perkembangan agama Islam. Kuda baka Arab paling terkenal kerana sifat mudah mesra, cerdik, serba boleh dan mempunyai ikatan rapat dengan manusia. Kuda baka Arab ini telah dijinakkan oleh orang Timur Tengah sejak 1500 SM lagi. Kuda baka Arab yang terdapat di Timur Tengah ini sangat cemerlang dalam ketahanan dan lari jarak jauh, di mana kuda jenis ini boleh berlari sehingga 100 batu sehari. Kuda baka ini mempunyai lubang hidung yang besar and paru-paru yang kuat, di mana ini menyumbang kepada kuasa ketahanan yang ada pada mereka. Mereka juga mempunyai kulit yang nipis (Encyclopedia of The Animal World 1972b).

Oleh kerana kuda telah biasa hidup bersama manusia, mereka cenderung untuk melindungi manusia dan boleh menjadi teman yang sesuai untuk kanak-kanak. Dalam masa yang sama, kuda juga mampu bergabung dengan manusia dalam menghadapi sekitaran yang ganas seperti peperangan bersenjata dan bahaya yang datang secara tiba-tiba. Oleh kerana itu, kuda mampu menukar arah pergerakannya secara tiba-tiba pada kelajuan yang tinggi di mana ini boleh memberi satu cabaran pada penunggangnya.

Kehebatan kuda menjadi inspirasi kepada manusia khususnya mukmin akan kecekalan, keberanian dan kesungguhan yang perlu ada bagi memperjuangkan agama Allah. Dalam konteks hari ini, kuda juga boleh menjadi ilham untuk kita mencipta kenderaan perang yang tangkas dan berkuasa. Dalam arus globalisasi yang penuh dengan cabaran ini, golongan pendidik sepatutnya mencontohi sifat kuda yang disebut di dalam ayat di atas dengan mempertingkatkan daya juang untuk mendidik anak bangsa kita menjadi manusia yang berguna dan bertaqwa kepada Allah sebagai generasi pewaris yang akan memimpin negara di masa hadapan. Di samping itu medan jihad bagi muslim amat luas bukan sahaja di medan perang, bahkan juga di medan pendidikan, material dan jihad sepanjang hidup kita ialah jihad terhadap nafsu yang jahat dan syaitan yang sentiasa berusaha menyesatkan umat Islam daripada jalan Allah s.w.t.

### **Membina Personaliti Muslim Unggul yang Membawa Kebaikan kepada Seluruh Alam**

Manusia hendaklah mencontohi watak **lebah** yang ditonjolkan sebagai watak yang mempunyai personaliti yang baik dan mampu memberi kebaikan kepada orang lain. Lebah adalah makhluk yang mempunyai sikap kerjasama kukuh di antara anggota keluarga, gigih bekerja dan bertanggungjawab.

Selain itu, lebah juga adalah sejenis haiwan yang pemurah dengan menghasilkan madu yang lebih banyak daripada keperluan mereka semata-mata untuk faedah manusia yang dijadikan sebagai ubat yang sangat berkhasiat untuk kesihatan fizikal dan kecergasan mental. Firman Allah yang bermaksud :

*“ Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung ganang, di pokok-pokok kayu dan di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai) serta turutlah jalan-jalan peraturan tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkan kepadamu. (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya mengandungi penawar bagi manusia ( dari berbagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda ( yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.”*

(Al-Nahl : 68-69)

Pada sebuah sarang **lebah** (Encyclopedia of The Animal World 1972c) terdapat seekor ratu, beberapa ratus lebah jantan dan beribu-ribu lebah betina yang mandul yang juga menjadi lebah pekerja. Tugas utama ratu ialah untuk menghasilkan lebih banyak lebah. Ratu akan bertelur sehingga 1500 telur sehari dan hidup di antara dua ke lapan tahun dan mempunyai sengat yang boleh digunakan lebih dari sekali. Lebah jantan tidak mempunyai sengat dan hidup lebih kurang lapan minggu. Tugas utamanya ialah untuk mensenyawakan ratu. Lebah betina mandul yang menjadi lebah pekerja merupakan majoriti penghuni di dalam sarang. Lebah pekerja melakukan kerja yang pelbagai untuk mengekal dan menyelenggarakan sarang. Masa muda, mereka digelar lebah rumah dan dan bekerja di dalam sarang dengan membina sarang, membersihkan dan melindunginya, memberi makan ratu dan lebah jantan, menjaga larva dan memberi mereka makan dengan jeli diraja, madu dan debunga, membina sel untuk telur-telurnya dan mengawal suhu di dalam sarang. Mereka juga memastikan sarang bersih dan membuang lebah yang mati dan sampah sarap ke luar sarang. Lebah pekerja yang lebih tua digelar lebah padang. Mereka bekerja di luar sarang untuk mengumpul nektar bunga, debunga, air dan resin tumbuhan tertentu. Resin yang melekit ini digunakan untuk membina sarangnya. Lebah pekerja berukuran lebih kurang 12 mm panjang dan sangat berpengkhususan dalam pekerjaannya.

Setiap pekerja mempunyai struktur yang dipanggil bakul debunga atau 'korbikulum' pada setiap kaki belakangnya, mempunyai perut tambahan untuk mengangkut nektar atau manisan bunga dan empat pasang kelenjar khusus untuk merembes lilin lebah di bahagian bawah abdomennya. Lilin lebah akan mula dirembeskan apabila lebah pekerja ini berumur antara 12 hari dan 15 hari. Lilin lebah ini digunakan untuk membina sarangnya. Lebah

pekerja juga mempunyai sengat yang hanya boleh digunakan sekali sahaja. Ia akan tercabut dari abdomennya selepas digunakan dan ini menyebabkan lebah itu mati. Lebah rumah akan mengambil lilin lebah dan dengan menggunakan mulut, mereka membina sel-selnya dari lilin lebah ini. Sarang lebah dibina dari sel-sel yang berbentuk enam segi atau heksagon. Sarang lebah mempunyai permukaan dan setiap permukaan dibina dari sel-sel yang berbentuk heksagon. Setiap lebah memulakan pembinaan heksagon dari satu sudut dan bertemu di tengahnya.

Nektar bunga dan debunga adalah sumber makanan yang digunakan oleh lebah madu. Kedua-duanya dikumpulkan oleh lebah padang semasa mereka terbang di serata tempat setiap hari. Debunga menjadi makanan anak lebah kerana mereka memerlukan protein untuk membesar. Nektar bunga digunakan oleh lebah untuk dijadikan madu. Bila lebah pekerja hinggap di bunga, ia akan minum sebanyak nektar yang termampu olehnya. Nektar ini akan diberi pula kepada lebah pekerja yang lain dan air yang terdapat di dalam nektar ini dibiarkan mengering untuk menjadikan nektar itu madu. Madu biasanya dihasilkan dalam jumlah yang melebihi keperluannya. Lebah madu juga merupakan pendebunga yang penting. Ketika lebah padang mencari nektar bunga, debunga melekat pada rerambut yang menyelaputi badannya. Sebahagian daripada debunga ini disapu pada bunga yang dilawati seterusnya, debunga ini mensenyawakan bunga dan seterusnya menghasilkan buah yang lebih baik. Terdapat tumbuhan yang tidak berbuah langsung tanpa bantuan lebah madu ini. Debunga yang dikutip oleh lebah padang akan dimasukkan ke dalam bakul debunga. Debunga ini akan dikeluarkan pada bakul yang terdapat di kakinya bila sampai di sarang, dan lebah rumah akan menyimpannya di sel khas di dalam sarang. Debunga akan menyediakan protein dan nutrien penting yang lain untuk lebah-lebah. Lebah pekerja akan keletihan setelah bekerja tanpa henti selama 2 hingga 3 minggu dan kemudiannya mati.

Manusia sepatutnya mencontohi watak lebah ini dengan menunjukkan kepatuhan pada sistem organisasi, sahsiah yang unggul sebagai muslim sebenar di samping sentiasa memberi kebaikan dan sumbangan kepada individu lain, masyarakat dan negara. Sesungguhnya watak lebah amat relevan dengan kerjaya kita sebagai pensyarah yang berperanan sebagai model yang unggul kepada pelajar dan menjadi tanggung jawab kita untuk menyampaikan ilmu serta mendidik mereka agar mereka menjadi anggota masyarakat yang berilmu, cemerlang dan bertaqwa, bakal membina tamadun Islam yang unggul pada masa hadapan.

## Kesimpulan

Al-Qur'an yang saiz zahirnya adalah sebuah kitab kecil berbanding dengan ensiklopedia yang berjilid-jilid, mempunyai khazanah yang amat kaya dan bernilai. Perihal haiwan yang disebutkan di dalamnya terdiri dari pelbagai jenis dan ragam. Apa yang dapat disampaikan di sini adalah secebis dari kisah yang tidak ternilai pengajarannya. Kertas kerja ini tidak mampu untuk memaparkan semua khazanah dan hikmah dari Kitabullah tersebut. Semoga sedikit yang dapat dipaparkan ini dapat membantu kita memperbaiki sistem dan kaedah pembelajaran dan pengajaran di UiTM khususnya dan dalam kehidupan kita amnya.

## Rujukan

- Al- Maraghi, Ahmad Mushthafa. (1985). *Terjemah Tafsir al-Maraghi*. Semarang : Toha Putra.
- Al-Jazairi, Abu Bakar Jabir. (1969). *Minhaj al-Muslim*. Madinah al-Munawwarah: Matbaah Sya' araku.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. (1981). *Safwah al-Tafsir* . Jild 1-3. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. (1981). *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir* . jild1-5, Dar al-Qur'an al-Karim, Beirut.
- El-Zubeir, Ibtisam, E.M. & Nour Ehsan, M. (2006). Studies on some Camel Management Practices and Constraints in Prwe-Urban Areas of Khartoum State. *Sudan. International Journal Of Dairy Science* 1(2): 104-112.
- Encyclopedia of The Animal World*. (1972a ). Vol 11 Hoopoe – Kittiwake: 976 - 977. Sydney: Bay Books.
- Encyclopedia of The Animal World*. (1972b ). Vol 2 Aquarium fishes – Biological art: 173 - 178. Sydney: Bay Books
- Encyclopedia of The Animal World*, (1972c ).Vol 4 Bumble Bees - Chimpanzee: 315-321. Sydney: Bay Books.
- Harun Yahya.( 2004). *Keajaiban Ciptaan Allah*. Terj. Rohidzir Rais. Kuala Lumpur : Saba Islamic Media.
- Rao, M.B. Gupta, R.C. & Dastur, N.N.(1970). Camel milk and Milk Products . *Int. J. Dairy Science*, 23: 71-78
- Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeh. (1994). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam ,Jabatan Perdana Menteri.



Ulwan, Abdullah Nasih. (1989). *Pengenalan Syariah Islamiah* (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Salam

---

MINAH DIBOK, ABD KHALIL MOHD. KHALID, AINUN JARIAH MANAF & RUAAIN HJ MUSTARI,  
Universiti Teknologi MARA Pahang. minah@pahang.uitm.edu.my, khalil@pahang.uitm.edu.my,  
ainunj@pahang.uitm.edu.my, ruaain@pahang.uitm.edu.my

Ulwan, Abdullah Nasih. (1989). *Pengenalan Syariah Islamiah* (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Salam

---

MINAH DIBOK, ABD KHALIL MOHD. KHALID, AINUN JARIAH MANAF & RUAAIN HJ M  
Universiti Teknologi MARA Pahang. minah@pahang.uitm.edu.my, khalil@pahang.uitm  
ainunj@pahang.uitm.edu.my, ruaain@pahang.uitm.edu.my